LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :

‘JAWATAN KOSONG’

PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG

- Jawatan : Penolong Pegawai Undang-Undang
- Gred Jawatan : L29
- Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Taraf Jawatan : Tetap
- Jadual Gaji : Minimum – RM 1,773.00
  Maksimum – RM 5,674.00

Bidang Tugas

1. Bertanggungjawab kepada Hakim Kanan, membuat taksiran kos Mahkamah Rendah dan menyediakan kertas kerja perundingan bila diperlukan oleh Hakim serta menyelia tugas kakitangan lain di Bahagian Pendaftaran.

Syarat-Syarat Lantikan

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred L29 : RM1,773.00); atau

(ii) Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,847.86).

Syarat kelayakan Bahasa Melayu

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan dan :-

(a) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c); atau

(b) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan :-

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun